



TEKS UCAPAN

**YBHG TAN SRI HAJI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL,
BATU CAVES, SELANGOR**

TARIKH : 19 APRIL 2018 (RABU)

MASA : 12.30 TENGAHARI

**TEMPAT : PANGSAPURI PINGGIRAN BATU CAVES,
SELANGOR**

KATA ALUAN

Yang saya muliakan, Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Abdul Rahim bin Kamaruddin

Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Gombak

Yang Berbahagia Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri
Omardin

Koordinator Pembangunan Persekutuan DUN Gombak Setia

Yang Berbahagia Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Yang Berusaha Dr. Mary Wong Lai Lin

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Yang Berusaha Tuan Haji Zamri bin Salleh
Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Yang Berusaha Puan Tai Sook Chow
Pengerusi JPP Zon 9
Majlis Perbandaran Sepang

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi

Wakil-wakil Media

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-
Puan Anggota Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang
saya hormati sekalian,

**Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir dan berkumpul di Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial, Batu Caves, Selangor.
2. Majlis pada hari ini adalah satu *engagement* KPKT dengan penduduk setempat bagi mengenal pasti apakah keperluan dan kecenderungan penduduk setempat yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan. Diharapkan tuan-tuan dan puan-puan dapat memperolehi manfaat melalui program kita pada hari ini.
3. PTS dilaksanakan dengan kolaborasi Jabatan-Jabatan di bawah KPKT dan agensi di Kementerian lain. Antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), PlanMalaysia, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), *Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation* (SWCorp), Jabatan Landskap Negara (JLN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Inilah yang kita hendak semua JPP di seluruh negara contohi dan anjurkan di tempat masing-masing. Seperti yang telah diketahui, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan transformasi pengurusan bandar bagi meningkatkan penyertaan rakyat (*public participation*) dalam menangani isu-isu perbandaran untuk kesejahteraan penduduk bandar. Usaha-usaha yang dilakukan ini adalah pemangkin kesejahteraan rakyat dalam menggerakkan rakyat bandar untuk bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial yang sedang dan bakal dilaksanakan agar dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh pelbagai pihak, sekaligus dapat merapatkan hubungan emosi antara rakyat bandar dengan Kerajaan. Penglibatan komuniti setempat adalah penting dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif dan harmoni.

5. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku Pihak Berkuasa Melantik Anggota JPP amat berterima kasih atas kesediaan YBhg. Dato'/tuan-tuan/puan-puan untuk menggalas tanggungjawab dan amanah serta mengembleng tenaga dalam melaksanakan tugas-tugas yang perlu dijalankan oleh anggota JPP dalam membantu

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyampaikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Saya sekali lagi ingin mengingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kepentingan rakyat serta sering mendahulukan rakyat dalam mentadbir negara ini. Dalam apa-apa jua perancangan atau program pembangunan negara kepentingan rakyat sentiasa diberikan keutamaan dan didahulukan agar seluruh rakyat Malaysia dapat merasai kemakmuran pembangunan negara.

7. Akhir kata, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan kepada semua pihak yang telah menjayakan dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian,

**Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**